



Para peserta bergambar beramai-ramai selepas majlis penutup di FRIM. Duduk di tengah, Prof. Thomas B. Randrup dan Prof. Dr William M. Fountain.

Akademi Hutan Hujan anjur kursus Arborist

SERDANG (24 Jun) – Seramai 27 peserta mewakili agensi kerajaan dan swasta berjaya menjadi ahli arborist profesional setelah mengikuti kelas selama sebulan dan menduduki ujian khas anjuran bersama Akademik Hutan Hujan (AHH) Universiti Putra Malaysia (UPM), Fakulti Perhutanan UPM, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur dan DANIDA (Denmark-Malaysia Twinning Project on Urban Forestry).


Kursus persijilan yang julung kali dianjurkan di Malaysia dan kali kedua di Asia Tenggara ini turut dijayakan pakar arborist yang ditauliahkan oleh *International Society of Arboriculture* (ISA).

Seramai tiga orang penceramah dijemput iaitu Prof. Dr William M. Fountain dari

Universiti Kentucky, USA, Prof. Thomas B. Randrup dari Pusat Hutan dan Landskap, Denmark, dan K. Ganesan dari Taman Negara Singapura.

Penyampaian sijil disemburnakan dalam satu majlis penutup program di Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) oleh Timbalan Ketua Setiausaha I, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Suboh Mohd Yassin.

Objektif utama program



Prof. Dr William M. Fountain menerangkan sesuatu mengenai penjagaan pokok dan anatomi pokok semasa melawat beberapa pokok di sekitar ibu kota.

ini untuk meningkatkan kompetensi kakitangan yang terlibat dalam industri penjagaan pokok. Selain itu, ia juga untuk mewujudkan satu medium untuk kakitangan terbabit mengembangkan tahap profesionalisme mereka.

Akhir sekali program ini digariskan untuk menyediakan pakar dalam bidang arborist yang bertauliah bagi menyumbang ilmu dan bakti kepada masyarakat.

Pengarah Akademi Hutan Hujan, Prof. Dr Mohd Shahwahid Othman, menegaskan penganjuran program ini adalah untuk menyahut seruan kerajaan ke arah "Negara Taman" (*Garden Nation*).

Ia juga sebagai ransangan awal kepada Akademi Hutan Hujan untuk memulakan langkah dalam projek jangka panjang antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Denmark.